

Cadangan AMF perlu selaras kerangka ASEAN +3

Bangkok: Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan supaya cadangan Tabung Kewangan Asia (AMF) oleh Jepun, untuk mendepani krisis kewangan di rantau ini pada 1997 disemak semula supaya selaras dengan kerangka ASEAN +3.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya 10 negara anggota ASEAN, termasuk tiga lagi rakan dalam kerangka ASEAN +3 iaitu Jepun, China dan Korea Selatan, mampu menerima manfaat besar melalui AME

Berucap ketika menyampaikan ucapan tama bertajuk 'The Future of ASEAN' di hadapan pemimpin peneraju industri di sini, beliau bagaimanapun menyerahkan perkara itu kepada persekutuan dalam kalangan negara anggota ASEAN.

"Cadangan mengenai ASEAN +3 berkaitan dengan Tabung Kewangan Asia harus disemak dan di-

masukkan sekali Jepun, China dan Korea Selatan atau jika mereka ingin memasukkan Australia.

"Saya tidak mempunyai suara yang kuat tentang soal itu. Saya menghormati konsensus dalam kalangan ASEAN," katanya ketika berucap pada majlis anjuran Dewan Perniagaan Malaysia-Thai di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, ASEAN, tidak boleh membiarkan pihak luar mencampuri urusan dalamannya, lantas perlunya ada mekanisme baharu untuk memastikan sebarang kekejaman dilakukan mana-mana negara anggota terhadap rakyatnya dapat dihentikan segera.

Memberi contoh apa yang berlaku di Myanmar, Perdana Menteri berkata, alangkah baik jika negara anggota ASEAN mempunyai semangat konsensus yang

kukuh untuk memberi mesej yang kuat kepada Myanmar.

"Anda (Myanmar) mempunyai hak untuk mempunyai dasar dan keutamaan domestik sendiri tetapi tiada negara pada masa ini harus meneruskan dasar diskriminasi, meminggirkan rakyat mereka atau menakutkan atau lebih teruk lagi, melakukan keganasan terhadap rakyat sendiri.

"Kita tidak bertolak ansur tetapi hakikatnya ia memberi kesan kepada seluruh ASEAN dan juga di luar kerangka itu seperti di Bangladesh.

"Bukan sahaja Malaysia dan Thailand, malah Indonesia sedang menghadapi isu terbabit (pelarian akibat apa yang berlaku di Myanmar) sekarang," katanya.

Perdana Menteri turut mengakui kepentingan setiap negara anggota ASEAN untuk bekerjasama, tetapi masing-masing perlu mempunyai kekuatan doems-

tik di peringkat serantau atau ASEAN sendiri.

"Kita mewarisi kejayaan luar biasa dalam kerjasama ASEAN, namun kita perlu pergi lebih jauh. Ia mengenai ekonomi, ketersambungan, pendigitalan dan pelaburan baharu, yang mana kita perlu mengguna dan menjadikan semua ini sebagai asas penting untuk menjadi kuasa besar dari segi ekonomi.

"Malangnya kita terpaksa bergelut dengan masalah China dan Amerika Syarikat (AS). Sedikit yang boleh kita lakukan, tetapi memastikan kita kekal berdikari semasa terlibat dengan dua negara ini sambil mendapat manfaat daripada aturan dan kemudahan baharu, untuk memberi kesan positif kepada sebahagian besar rakyat kita.

"Jadi perjanjian perdagangan bebas (FTA) ASEAN dan semua inisiatif lain yang sedia berjalan, saya

akui membawa kejayaan besar, namun kita perlu juga mendorong perdagangan dan pelaburan ini dengan menggunakan kelebihan dalam perbezaan yang ada," katanya.

Pada majlis sama, Anwar menegaskan demokrasi dalam konteks Malaysia bukan hanya berkisar tentang pilihan raya, sebaliknya lebih meluas mencakupi soal akauntabiliti.

Perdana Menteri berkata, pemimpin bukan hanya bertanggungjawab kepada rakyat untuk tempoh empat atau lima tahun selepas pilihan raya, tetapi juga terhadap mandat melalui Perlembagaan dan undi yang diberikan rakyat.

"Mereka (wakil rakyat) bertanggungjawab untuk memimpin kerajaan yang bersih, memperjuangkan dan menggerakkan, selain memacu ekonomi dan memastikan keadilan untuk semua warga negara mereka. Saya rasa itu satu cabaran besar," katanya.